

15/11/1999

Pentingnya pemimpin ikhlas

Mas Ghazali

NEGARA dan rakyat akan menikmati kebahagiaan jika berada di bawah naungan pemimpin yang benar-benar ikhlas menerajui negara tanpa ada sebarang sifat kepura-puraan. Dengan kata lain, biarlah pemimpin itu sentiasa bermuka masam daripada pemimpin yang gemar bermuka-muka.

Saya masih ingat kisah seorang pemimpin dipecat kerana kesalahan yang dilakukannya. Pada hari beliau dipecat, beliau ada membuat pengakuan bahawa peristiwa pemecatan ini adalah takdir.

Ketika itu, terserlah sifatnya yang sabar dan reda dengan pemecatan itu.

Namun, perwatakan beliau berubah beberapa hari kemudian apabila seluruh rakyat mula mengetahui punca sebenar beliau dipecat.

Beliau mula kelam-kabut mengelilingi hampir seluruh Semenanjung membuka rahsia kerajaan, menghina seterusnya cuba menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tanpa ada rasa bersalah dan segan silu.

Perubahan ketara itu membuatkan saya berfikir sendiri bahawa jika benar beliau tidak bersalah dan ilmu agama penuh di dada, mengapa perlu menghina kerajaan dan Perdana Menteri secara tiba-tiba.

Mengapa beliau tidak meneruskan sifat tawakalnya, senyum tenang serta sabar seperti hari beliau dipecat. Mengapa tidak dari dulu lagi menentang Perdana Menteri?

Adakah disebabkan takut kehilangan kuasa? Mengapa sewaktu di dalam Umno beliau memiliki watak begitu tetapi sekarang wataknya begini?

Mengapa dulu menentang pembangkang, sekarang bekerjasama dengan mereka sedangkan semua orang tahu idealismenya jauh bertentangan seperti langit dengan bumi?

Adakah perjuangan pemimpin ini tulen dan ikhlas selama ini? Benarkah perjuangan yang ingin dikejar, bukannya kedudukan dan pangkat?

Seorang pemimpin sepatutnya bukanlah seorang aktor yang dapat melakonkan imej yang sangat baik di depan orang ramai tetapi di sebalik tabir dia ada sesuatu watak yang lain.

Mengapakah rakyat terlalu taksud dengan pemimpin seumpama ini? Ini kerana mereka mengenali perjuangan Islam daripada populariti pemimpin ini dan menganggap ketokohnya begitu hebat seolah-olah gerakan Islam mustahil digerakkan tanpanya.

Pemimpin ini hanya dilihat dari jauh oleh orang ramai dan tidak ada sesiapa pun yang mengenali hati budinya melainkan Tuhan dan dirinya sendiri.

Rakyat perlu ingat bahawa tugas masing-masing lebih penting daripada membuang masa melakukan rusuhan dan terus menunjukkan ketaksudan serta taat setia kononnya terhadap seorang pemimpin yang sedang dipenjarakan ini.

Kalau benar memperjuangkan Islam, semua rakyat perlu ingat dan mengambil konteks Islam dari segi hubungan antara pemerintah dengan rakyat.

Rakyat wajib membantu kerajaan dalam usaha membangunkan negara. Jika ada sebarang teguran gunakan kaedah yang betul mengikut syarak dan bukannya dengan membuat fitnah tidak tentu faktanya, menghina kerajaan dan menuduh Perdana Menteri seorang kafir dan beliau kononnya tidak dapat melaksanakan hajinya dengan sempurna.

Kadang-kadang fitnah yang dibuat menggelikan hati kerana ia tidak masuk akal terutama daripada pembangkang.

Sepatutnya rakyat bersatu padu membantu kerajaan dan bersyukur dengan apa yang dimiliki pada hari ini. Jika tidak kerana Umno, belum tentu

bilangan orang Melayu yang maju seramai sekarang.

Bagaimanapun, saya berdoa agar negara kita terus aman dan perasaan terlalu taksub sepatutnya dibuang demi kepentingan semua orang, bukannya individu. Pilihlah pemimpin yang benar-benar layak dan bukannya yang dahagakan pangkat serta kedudukan.